

SISTEM PENYAMPAIAN MANFAAT WAKAF KEPADA *MAUKUF ALAIH* DI PULAU PINANG: SATU CADANGAN PENYELIDIKAN

Mohamad Salleh Abdullah

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang;

Email : salleh3055@yahoo.com; **Tel :** 019-4499815/ 04-2260305. **Faks :** 04-2260380.

Tahap Pengajian : Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

Konsep wakaf dan pembangunan wakaf merupakan satu topik yang kerap dibincangkan. Ramai cendekiawan yang berminat membincangkan isu ini telah mengemukakan pelbagai idea dan cadangan dari semasa ke semasa, dengan harapan pembangunan wakaf dapat menjadi *mekanisme* yang dapat mengangkat martabat umat Islam di seluruh dunia umumnya dan di Malaysia khususnya. Namun begitu tidak ramai cendekiawan yang berpeluang melihat isu ini secara mendalam terutama bagaimana sistem penyampaian manfaat beroperasi supaya manfaat wakaf sampai kepada golongan penerima (*maukuf alaih*).

Kertas ini merupakan cadangan bagi membuat penyelidikan untuk mengenalpasti, mengkaji dan menganalisis kaedah pengurusan pembangunan wakaf. Tumpuan utamanya ialah kepada sistem penyampaian manfaat wakaf kepada *maukuf alaih*. Secara khususnya penyelidikan ini mempunyai 2 objektif, iaitu pertama, mengenalpasti kaedah pengurusan pembangunan wakaf di Pulau Pinang dan kedua, mengenalpasti, menganalisis serta mencadangkan kaedah-kaedah penyelesaian kepada masalah-masalah sistem penyampaian manfaat wakaf kepada *maukuf alaih*.

Kertas kerja ini akan meneliti apakah kaedah sistem penyampaian manfaat yang sedang dilaksanakan? Bagaimanakah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai *mutttawali* menguruskan wakaf? Bagaimanakah MAINPP menyampaikan manfaat kepada *maukuf alaih*? Apakah kaedah terbaik dalam menyampaikan manfaat wakaf kepada *maukuf alaih*? Kertas ini berhasrat menjawab persoalan-persoalan ini menerusi kajian lapangan yang akan dijalankan di MAINPP sebagai contoh emperikal. Hasil penelitian ini diharap dapat memberi gambaran sebenar tentang kedudukan sistem penyampaian manfaat wakaf kepada *maukuf alaih*. Hasil kajian ini juga diharap dapat membuka ruang untuk mencari kaedah pengurusan pembangunan wakaf yang benar-benar sesuai untuk dijadikan kaedah pengurusan yang standard untuk pengurusan institusi Islam khususnya dan pelaksanaan pengurusan pembangunan berteraskan Islam amnya.